



() KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 41

14 Jun 2010

Ketua Pengarang,
Sinar Harian

Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 6 Jun 2010
Muka Surat : S12
Subjek : Pembeli tuntutan kunci rumah

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Sinar Harian kerana mengenengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli Apartmen Taman Rawang Idaman, Sungai Dua, Rawang yang dimajukan oleh Swis Resources Development Sdn. Bhd.

Sepertimana kenyataan di dalam akhbar tersebut, pembeli masih belum menerima kunci kerana projek perumahan masih

belum mendapat Sijil Layak Menduduki (CFO) dan masih dalam pemeriksaan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Jabatan Perumahan Negara telah melakukan semakan dan didapati projek yang sepatutnya siap pada 9 Jun 2009 ini telah dikategorikan sebagai 'projek bermasalah'.

Pihak Jabatan Perumahan Negara juga telah melakukan semakan dengan pihak MPS dan pihak MPS menjelaskan bahawa pemeriksaan tapak ke projek tersebut telah diadakan pada awal bulan Jun 2010. Hasil pemeriksaan tapak berkenaan mendapati terdapat sedikit berbezaan di antara pelan lulus asal dengan apa yang telah dibina. Sehubungan itu, pihak pemaju diminta untuk mengemukakan semula pelan pindaan '*as-built drawing*' untuk kelulusan semula. Selain itu, masih terdapat syarat-syarat yang tidak dipatuhi oleh pihak pemaju. Oleh hal yang demikian, isu yang dibangkitkan ini masih lagi dalam tindakan pihak MPS.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**